

KENYATAAN MEDIA

24 September 2020

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## ST Nasihat Orang Ramai Mengutamakan Keselamatan Semasa Menjalankan Kempen Pilihan Raya Negeri Sabah

**Putrajaya, 24 September** – Suruhanjaya Tenaga (ST) menasihatkan orang ramai atau mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti berkempen berdekatan dengan pemasangan elektrik agar segera menghentikan aktiviti berkenaan kerana perbuatan tersebut adalah merbahaya.

Pada tahun 2018, satu kemalangan elektrik telah berlaku di mana 4 orang mangsa tercedera akibat daripada renjatan elektrik ketika memasang tiang bendera parti politik di negeri Johor.

Bagi mengelakkan kejadian seumpama itu berulang, serta bagi mencegah risiko kemalangan elektrik seperti renjatan elektrik atau percikan arka (*flashover*), ST menasihatkan orang ramai atau mana-mana pihak supaya mengutamakan keselamatan dan mengelak dari melakukan aktiviti merbahaya semasa kempen pilihanraya dijalankan, antaranya seperti berikut:

- 1) Tidak menggantung bahan kempen di tiang-tiang elektrik.
- 2) Tidak menampal poster pada pencawang elektrik, peti membekal, tiang elektrik dan lain-lain.
- 3) Tidak mendirikan tiang atau objek tinggi berdekatan atau di bawah talian elektrik.
- 4) Tidak memanjat menara atau tiang elektrik.
- 5) Tidak membawa objek tinggi seperti galah atau kayu panjang berhampiran atau melintasi talian elektrik
- 6) Tidak memasang bendera atau sepanduk besar atau panjang berhampiran talian elektrik.
- 7) Tidak menggunakan *crane* dan *skylift* berhampiran pemasangan elektrik.
- 8) Tidak memasang khemah atau membuka pusat gerakan di bawah talian elektrik.
- 9) Tidak mencero boh dan memasuki kawasan pencawang elektrik.

---

### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST juga menegaskan bahawa sesiapa yang mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhampiran pemasangan elektrik, tanpa kebenaran sah daripada pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen, adalah menyalahi peruntukan seksyen 37(12), Akta Bekalan Elektrik 1990 ([Akta 447] dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau keduanya sekali.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar, Jabatan Perancangan dan Komunikasi Strategik*

*Tel: 03 8870 8598/019-3589255 (Azlina)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [azlinamj@st.gov.my](mailto:azlinamj@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.